

28/09/2002

Maaf bersyarat Nik Aziz cetus persoalan

NAMPAKNYA bersungguh-sungguh benar Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, mengakui kesilapannya mendakwa Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak tahu membaca al-Quran. Semalam, Menteri Besar Kelantan itu menyatakan pula kesediaannya memohon maaf secara terbuka kepada Perdana Menteri. Malah, Nik Aziz turut menghuraikan pelbagai kemungkinan yang mendorong kepada berlakunya kesilapan itu - daripada kekenyangan, keletihan, tidur nyenyak setelah disorongkan bantal hinggalah hujan ketika ceramah yang menjadi trauma buatnya. Sama-samalah ditunggu majlis ceramah yang dihadiri beliau berikutnya kerana ia nampaknya dijadikan syarat oleh Nik Aziz kerana dakwaannya terhadap Dr Mahathir dibuat di pentas ceramah. Kita harapkan Nik Aziz dapat memilih kesempatan terbaik untuk berbuat demikian tanpa makan terlalu kenyang atau majlis ceramah yang disirami hujan sekali lagi.

Islam tidak hanya menuntut umatnya yang berbuat silap, cuma mudah menuturkan maaf tanpa menerapkan keinsafan untuk tidak mengulanginya. Permohonan maaf juga seharusnya dibuat dengan rendah diri dan ikhlas tanpa perlu bertangguh-tangguh atau disulami pelbagai alasan. Apatah lagi keterlanjuran kata-kata Nik Aziz tempoh hari bukan hanya bersaksikan mereka yang menghadiri majlis ceramahnya, malah rakaman kaset ceramahnya turut diedarkan secara meluas. Mungkin perlu untuk pengedaran kaset berkenaan ditarik balik daripada pasaran kerana mengandungi hujah yang salah. Dalam pada itu, kalangan penyokong Pas mungkin mahu menunggu kaset yang merakamkan permohonan maaf Nik Aziz selepas ini. Terpulanglah kepada mereka asalkan masing-masing mengambil iktibar daripadanya.